

04 JAN 1997

DR MAHATHIR AKHIRI LAWATAN SEHARI KE KENINGAU

KOTA KINABALU, 4 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Kuala Lumpur petang ini selepas mengakhiri lawatan sehari ke Keningau, kira-kira 140km dari sini.

Turut berada di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu ialah Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat, menteri-menteri kabinet negeri dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan negeri dan persekutuan.

Sejurus tiba pada pukul 9.30 pagi, beliau diberi taklimat oleh Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah Datuk Pandikar Amin Mulia yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai perhutanan dan kegiatan pembalakan di daerah Keningau, daerah yang paling teruk dilanda banjir minggu lepas.

Di Keningau beliau meninjau ke kawasan yang dilanda banjir akibat ribut tropika Greg itu.

Sebelum berlepas ke Kota Kinabalu, Dr Mahathir juga melawat pusat penempatan sementara di Dewan Masyarakat dan Kompleks Sukan Keningau yang menempatkan kira-kira 1,000 mangsa banjir itu. -- BERNAMA

JS RON